



**1. PENOLONG PEGAWAI LAUT
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN= 01**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Mempunyai *Certificate of Competency as officer of Navigational Watch* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Marine* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- iii) Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 6 atau sebanding dan berkhidmat di Jabatan Laut sebagai Serang Tingkat Khas tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- iv) Sijil Pegawai Laut Kelas 7 atau sebanding dan berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggaganji C.2 tidak kurang dari 4 tahun.

ATAU

- v) Sedang berkhidmat sebagai Serang Tingkat Khas dalam tanggaganji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

- b) Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan boleh mengurus dan mengawas kakitangan dibawah jagaannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.



- c) Boleh menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal.

LAIN-LAIN SYARAT:

Sebelum ditawarkan jawatan sebagai Penolong Pegawai Laut, calon-calon hendaklah lulus Ujian Kesihatan dan Ujian Penglihatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI LAUT:

1. Membantu Pegawai Laut di dalam mana-mana bahagian akan ditentukan oleh Pengarah Laut.
2. Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.